

# Tidak puas hati perlu dilihat secara rasional

WM-28/6/2006

KUANTAN 27 Jun - Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob menyeru agar rasa tidak puas hati bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad ke atas kepimpinan pada masa kini dilihat secara rasional.

Beliau berkata, langkah itu bertujuan bagi mendapatkan punca sebenar beliau bersikap demikian.

Katanya, jika Dr. Mahathir memerlukan sebarang penjelasan, maka pendekatan terbaik ialah berikan penjelasan berhubung hal itu agar tidak wujud sebarang permasalahan.

"Tetapi biarlah menteri sahaja yang jawab. Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mempunyai pendekatan kepimpinan yang tersendiri, ia perlu dihormati," katanya selepas menghadiri majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jabatan Pendidikan Pahang, di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz yang kesal dengan tindakan Dr. Mahathir berterusan mengkritik kerajaan dan Abdullah.

Mohamed Nazri mengulas sesi dialog bekas Perdana Menteri itu dengan akhbar dalam talian Malaysia Today, pada satu majlis yang turut dihadiri oleh pemimpin pembangkang, Sabtu lepas.

Tambah Adnan, Dr. Mahathir mempunyai hak yang secukupnya untuk mengeluarkan sebarang pandangan, tetapi pada masa yang sama, beliau dan semua pihak perlu menghormati Perdana Menteri yang sedia ada.

Mengenai nada keras yang digunakan Mohamed Nazri ke atas Dr. Mahathir dalam akhbar hari ini, Adnan berkata, itu adalah gaya masing-masing kerana ada pemimpin menjawab isu yang sama dalam nada lembut dan ada berkecuali serta ada yang agak keras.

"Terpulang pada tafsiran masing-masing, mungkin Nazri rasa itu yang paling lembut," katanya.

Jelas Adnan, tidak kira apa yang berlaku, selaku Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri dan seluruh ahli akan memberi sokongan padu kepada Abdullah dan berharap beliau tidak akan hilang fokus ke atas tugas-tugas hakiki selaku Perdana Menteri.